



**INISIATIF
PEMBAHARUAN
UNDANG-UNDANG**

INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

Inisiatif COVID-19: Preskripsi Jumlah Keterhutangan Syarikat di bawah seksyen 466 (1)(a) AS 2016

Berkuat kuasa mulai 1 April 2021, ambang keterhutangan syarikat menurut seksyen 466(1)(a) AS 2016 adalah amaun melebihi RM50,000 seperti yang ditetapkan di bawah Warta Kerajaan Persekutuan No. 4159 [G.N. No. 4159].

Peningkatan kekal ambang keterhutangan dari RM10,000 ini adalah selaras dengan inisiatif berterusan SSM untuk menyokong komuniti perniagaan dalam tempoh pemulihan ekonomi bagi membantu syarikat yang masih berdaya maju dari segi kewangan namun terjejas kerana tempoh lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 dalam menghadapi kewajipan kewangannya.

Dari tempoh 23 April 2020 sehingga 31 Mac 2021, ambang keterhutangan telah dinaikkan sementara daripada RM10,000 kepada RM50,000 sebagai sebahagian daripada inisiatif intervensi bagi memastikan syarikat yang terjejas akibat pandemik COVID-19 tidak berhadapan dengan tindakan penggugungan.

Cadangan Pindaan ke atas ASSM 2001

Berikutan mandat yang diberi oleh Kabinet kepada SSM sebagai badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mentadbir Rang Undang-Undang Harta Alih Kepentingan Berdagang (RUU HAKB), SSM telah mencadangkan pindaan kepada ASSM 2001 untuk meluaskan fungsi Suruhanjaya bagi mengawal selia RUU tersebut.

Di samping itu, peruntukan berkaitan kuasa untuk menerbitkan maklumat, kuasa untuk mengambil tindakan dan rayuan kepada Menteri juga dicadangkan untuk dipinda. Cadangan tersebut bertujuan untuk menangani ketidakselarasan dalam undang-undang dan mengukuhkan pemakaian peruntukan sedia ada yang berkaitan dengan kuasa Menteri, Suruhanjaya dan Pendaftar.

RUU Syarikat (Pindaan) and RUU Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan)


SSM sedang memuktamadkan RUU Syarikat (Pindaan) dan RUU Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada sesi Parlimen 2022 selepas disahkan oleh Jabatan Peguam Negara.

Salah satu tujuan pindaan ialah untuk menambah baik kerangka perundangan berkaitan rehabilitasi entiti perniagaan supaya lebih komprehensif setanding dengan piawai antarabangsa bagi memastikan entiti perniagaan terus berdaya saing. Tanpa kerangka perundangan yang komprehensif, syarikat dan perkongsian liabiliti terhad berhadapan dengan risiko untuk digugurkan sekiranya mereka berdepan dengan masalah kewangan walaupun perniagaan tersebut pada hakikatnya masih berdaya maju.

Satu lagi objektif pindaan ialah untuk mengukuhkan lagi peruntukan tadbir urus dengan menambah baik kerangka pelaporan pemunyaan benefisial untuk mengekang aktiviti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah, pengelakan cukai dan sebagainya dengan menyalahgunakan entiti perniagaan bagi melindungi kegiatan jenayah tersebut. Kerangka pelaporan pemunyaan benefisial yang dicadangkan ini akan meningkatkan ketelusan berkaitan individu sebenar yang memiliki atau yang mempunyai kawalan terhadap entiti perniagaan tersebut.

Lanjutan tempoh peralihan bagi pematuhan terhadap Garis Panduan Kerangka Pelaporan Pemunyaan Benefisial (PB) Berkaitan *Legal Persons*

Selaras dengan pindaan terhadap AS 2016 dan APLT 2012, SSM telah melanjutkan tempoh peralihan kepada entiti undang-undang untuk mematuhi syarat yang dinyatakan dalam Garis Panduan Kerangka Pelaporan PB Berkaitan *Legal Persons* agar selaras dengan tarikh penguatkuasaan RUU Syarikat (Pindaan) dan RUU Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan). Semasa tempoh peralihan, entiti undang-undang mesti mematuhi garis panduan tersebut kecuali berkaitan serah simpan kepada Pendaftar sekiranya terdapat pindaan pada maklumat PB.



INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

RUU Syarikat Amanah

Sebagai sebahagian daripada program pembaharuan undang-undang korporat, SSM mencadangkan pengenalan RUU Syarikat Amanah yang baharu untuk menggantikan Akta Syarikat Amanah 1949 (ASA 1949) sedia ada. Usaha ini bertujuan untuk memastikan undang-undang yang dikawal selia oleh SSM adalah tetap relevan mengikut perkembangan semasa serta merealisasikan hasrat SSM untuk menjadi pengawal selia terulung di peringkat dunia melalui pemantauan yang efektif berdasarkan kerangka perundangan yang komprehensif.

Syarikat amanah telah dikenal pasti oleh *Financial Action Task Force* (FATF) sebagai institusi pelapor berdasarkan kecenderungannya untuk disalah guna bagi tujuan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Sebagai tindak balas, RUU baharu itu akan memperkenalkan polisi baharu ke arah memodenkan ASA 1949 selaras dengan keperluan antarabangsa dalam memastikan persekitaran perniagaan di Malaysia selamat dan berupaya menarik pelabur asing ke Malaysia.

Objektif Semakan Semula ASA 1949**01**

Memberikan kejelasan dan kepastian dalam undang-undang dan mengelakkan peruntukan yang tidak konsisten dan bertindih dalam statut yang berbeza

02

Memperkenalkan kuasa pemboleh moden yang baharu dan diperlukan untuk pengurusan syarikat amanah yang cekap

03

Memodenkan undang-undang syarikat amanah untuk memudahkan pentadbiran amanah yang lebih berkesan

04

Untuk mempromosikan perniagaan amanah serta mengukuhkan daya saing dan daya tarikan industri perkhidmatan syarikat amanah di Malaysia

05

Untuk menyelaraskan undang-undang dengan piawaian antarabangsa yang berkaitan

06

Untuk memansuhkan peraturan lapuk dan rumit yang menimbulkan ketidakpastian berkaitan dengan proses pendaftaran dan prosedur pelaporan

INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

Kenyataan Polisi di bawah RUU Syarikat Amanah

Parameter Aktiviti

Kenyataan Polisi 1	Undang-undang akan memperjelaskan parameter perniagaan amanah atau aktiviti bersifat amanah dan definisi "Perniagaan Amanah".
---------------------------	---

Rejim Pendaftaran Mandatori

Kenyataan Polisi 2	Undang-undang akan memperjelaskan bahawa hanya syarikat awam menurut syer dibenarkan untuk didaftar sebagai syarikat amanah dan pendaftaran diwajibkan di bawah RUU Syarikat Amanah sebelum dibenarkan untuk menjalankan perniagaan amanah atau aktiviti berkaitan amanah.
Kenyataan Polisi 3	Undang-undang akan memperkenalkan keperluan mandatori syarikat amanah untuk mempunyai perlembagaan dengan objek khusus.
Kenyataan Polisi 4	Undang-undang akan memperuntukkan pengecualian ke atas kategori orang tertentu daripada keperluan pendaftaran dan kuasa memberi pengecualian terletak kepada Menteri atas syor daripada Pendaftar.
Kenyataan Polisi 5	Undang-undang akan diselaraskan dengan AS 2016 berikutan pemodenan beberapa konsep undang-undang syarikat termasuk pengabaian konsep modal saham dibenarkan.
Kenyataan Polisi 6	Undang-undang akan melarang seseorang daripada memegang lebih daripada 20% pegangan saham dalam syarikat amanah.
Kenyataan Polisi 7	Undang-undang akan mengekalkan keperluan sedia ada bagi syarikat amanah untuk meletakkan deposit keselamatan dengan Menteri Kewangan tetapi dengan pengubahsuaian kepada jumlah deposit keselamatan berdasarkan peratusan tertentu untuk mencerminkan nilai semasa perniagaan amanah yang dijalankan oleh syarikat amanah.
Kenyataan Polisi 8	Undang-undang akan mengeneipkan peruntukan timbal balik semasa yang berkaitan dengan undang-undang amanah di Singapura.
Kenyataan Polisi 9	Undang-undang akan memberikan takrif baharu "pemunya bermanfaat" dan "kawalan" untuk menggalakkan ketelusan pemilikan dan kawalan syarikat amanah serta pengaturan amanahnya.
Kenyataan Polisi 10	Undang-undang akan memperuntukkan kewajipan serah simpan Penyata Tahunan bersama maklumat PB.
Kenyataan Polisi 11	Undang-undang akan memberikan sekatan jenayah ke atas pengarah syarikat amanah kerana melanggar tugas dan kewajipan tertentu di bawah RUU Syarikat Amanah sebagai tambahan kepada peruntukan yang dinyatakan di bawah AS 2016.
Kenyataan Polisi 12	Undang-undang akan memberi kuasa kepada Pendaftar untuk mengenakan sebarang terma dan syarat berkenaan kelayakan dan pengalaman pengarah syarikat amanah.
Kenyataan Polisi 13	Undang-undang akan mengekalkan polisi semasa bagi peruntukan yang berkaitan dengan juruaudit di bawah AS 2016.
Kenyataan Polisi 14	Undang-undang akan memperluaskan seksyen 8(1) ASA 1949 berhubung objek syarikat amanah dengan memasukkan kuasa lembaga pengarah syarikat amanah untuk menentukan sendiri ganjaran, caj dan yuran.

INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

Kenyataan Polisi di bawah RUU Syarikat Amanah

Penghentian Syarikat Amanah

Kenyataan Polisi 15	Pengekalan peruntukan yang berkaitan dengan kuasa Mahkamah untuk memerintahkan penggulungan syarikat amanah.
Kenyataan Polisi 16	Penjelasan bahawa syarikat amanah dibenarkan untuk menghentikan operasi dengan syarat aset syarikat amanah atau aktiviti berkaitan amanah diagihkan ketika syarikat masih bertindak sebagai pemegang amanah.
Kenyataan Polisi 17	Syarikat amanah dibenarkan mendapat manfaat daripada peruntukan yang berkaitan dengan Skim Perkiraan dan Mekanisme Penyelamat Korporat di bawah AS 2016.
Kenyataan Polisi 18	Mengekalkan kuasa Menteri untuk memohon penggulungan syarikat amanah berdasarkan keadaan tertentu dan pemakaian perenggan 465(2)(b) AS 2016 di mana Pendaftar diberi kuasa untuk memohon penggulungan syarikat amanah yang digunakan bagi tujuan yang menyalahi undang-undang.

Perkhidmatan Elektronik

Kenyataan Polisi 19	Undang-undang akan memperkenalkan pemfailan elektronik secara mandatori bagi serah simpan atau pemfailan dokumen dan memberi kuasa kepada Pendaftar untuk membekalkan maklumat dan mengeluarkan sebarang dokumen secara elektronik.
----------------------------	---

Kuasa Berkaitan Menteri Kewangan

Kenyataan Polisi 20	Undang-undang akan memberi kuasa kepada Menteri: <ul style="list-style-type: none"> (a) untuk mendengar rayuan terhadap keputusan Pendaftar mengenai keengganan untuk mendaftarkan syarikat sebagai syarikat amanah; (b) untuk bertanggungjawab dalam perkara yang berkaitan dengan aktiviti penguatkuasaan; dan (c) untuk bertanggungjawab dalam perkara yang berkaitan dengan penggulungan syarikat amanah oleh Mahkamah.
Kenyataan Polisi 21	Mengekalkan dasar sedia ada yang berkaitan dengan kuasa Menteri: <ul style="list-style-type: none"> (a) untuk mendengar rayuan berhubung penambahan deposit keselamatan dalam keadaan tertentu dan untuk meluluskan penggantian sekuriti lain yang didepositkan kepada Akauntan Negara; (b) untuk meluluskan pelaburan dan penjualan tanah yang dicagarkan dalam tempoh tiga (3) tahun selepas pemerolehan; dan (c) untuk menentukan jumlah bayaran yang dikutip oleh Pendaftar bagi pihak Akauntan Negara.

INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Harta Alih Kepentingan Bercagar (RUU HAKB)

SSM meneruskan usaha bagi memperkenalkan kerangka perundangan kepentingan bercagar dan mewujudkan pendaftaran cagaran bersepadu di Malaysia melalui cadangan RUU HAKB.

RUU HAKB dicadangkan untuk mengisi jurang di Malaysia agar entiti perniagaan boleh menggunakan harta alih yang dimiliki oleh mereka dan menggunakan harta tersebut sebagai sandaran untuk mendapatkan pembiayaan bagi tujuan mengembangkan perniagaan. Pelbagai perbincangan dan perundingan telah dijalankan bersama pelbagai agensi dan Kementerian serta kertas cadangan bagi memperkenalkan kerangka perundangan baharu kepentingan bercagar telah dibentangkan kepada Kabinet pada 17 Februari 2021. Kabinet telah bersetuju agar RUU HAKB digubal bagi tujuan pendaftaran dan penguatkuasaan kepentingan keselamatan harta alih di Malaysia dan SSM telah diberi tanggungjawab untuk mentadbir RUU HAKB serta mengawal selia aktiviti berhubung dengan pendaftaran harta alih sebagai cagaran.

Bengkel selama tiga (3) hari telah diadakan bermula dari 29 November hingga 1 Disember 2021 bagi memuktamadkan draf RUU HAKB. Bengkel ini dihadiri oleh pegawai undang-undang dari Bahagian Perundangan, KPDNHEP dan SSM. 108 peruntukan undang-undang berdasarkan 23 Kenyataan Polisi telah dibincangkan dan diperhalusi bagi tujuan serahan selanjutnya kepada Jabatan Peguam Negara.

23 Kenyataan Polisi Bagi Kerangka HAKB

Kenyataan Polisi 1	Pengenalan kepada kerangka pendaftaran kepentingan bercagar bagi harta alih termasuk kepentingan bercagar dari urus niaga shariah.
Kenyataan Polisi 2	Pendaftaran adalah secara sukarela.
Kenyataan Polisi 3	Kerangka undang-undang akan terpakai untuk gadaian terapung.
Kenyataan Polisi 4	Kerangka undang-undang akan terpakai bagi semua jenis harta alih.
Kenyataan Polisi 5	Pengenalan sebuah rejim pendaftaran tunggal yang komprehensif.
Kenyataan Polisi 6	Sistem pendaftaran adalah elektronik sepenuhnya.
Kenyataan Polisi 7	Kepentingan bercagar dianggap telah sempurna dan efektif terhadap pihak ketiga jika – (a) notis yang berkaitan dengan kepentingan bercagar telah didaftarkan dengan Pendaftar; atau (b) pemiutang bercagar telah memiliki harta alih tersebut.
Kenyataan Polisi 8	Kerangka perundangan menyediakan pemfailan notis.
Kenyataan Polisi 9	Hanya pihak berkepentingan boleh memohon maklumat dari Daftar.
Kenyataan Polisi 10	Pindaan kepada penyata pembiayaan akan dibenarkan didaftarkan oleh pemberi/ penghutang/ pemiutang bercagar.
Kenyataan Polisi 11	Penyataan palsu yang difailkan kepada Pendaftar di bawah kerangka ini adalah suatu kesalahan jenayah.
Kenyataan Polisi 12	Pendaftaran kepentingan bercagar adalah sempurna melainkan dibuat untuk tujuan menipu atau mengelirukan.
Kenyataan Polisi 13	Pendaftaran penyata pembiayaan boleh dibatalkan melalui suatu notis.
Kenyataan Polisi 14	Kerangka undang-undang memerlukan penzahiran sebarang subordinasi dari dalam penyata pembiayaan.
Kenyataan Polisi 15	Kerangka ini secara umumnya akan membenarkan mana-mana orang untuk membuat carian ke atas daftar dan mendapatkan cetakan hasil carian. Walau bagaimanapun, pertimbangan berkaitan Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010 perlu diambil kira di mana maklumat yang dibenarkan bukan merupakan maklumat yang sensitif di bawah PDPA.
Kenyataan Polisi 16	Secara umumnya keutamaan diberikan kepada kepentingan bercagar yang telah didaftarkan dengan sempurna berbanding kepentingan bercagar yang tidak disempurnakan bagi kolateral yang sama dan keutamaan tersebut ditentukan pada masa pihak itu mengambil langkah penyempurnaan.

INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

23 Kenyataan Polisi Bagi Kerangka HAKB

Kenyataan Polisi 17	Kerangka undang-undang hendaklah menyediakan parameter yang jelas berkaitan dengan kepentingan bercagar/ perubahan keadaan kepentingan.
Kenyataan Polisi 18	Kerangka undang-undang hendaklah menyediakan penguatkuasaan kepentingan sekiranya berlaku keingkaran oleh penghutang/ pemberi/ pemiutang bercagar.
Kenyataan Polisi 19	Kerangka undang-undang hendaklah membenarkan pembatalan hak penguatkuasaan oleh pemberi atau mana-mana orang yang mempunyai kepentingan ke atas harta bercagar.
Kenyataan Polisi 20	Peruntukan akan dibuat untuk menyediakan perlindungan sewajarnya bagi kepentingan bercagar yang melibatkan penghutang/ pemberi di bawah insolvensi atau <i>receivership</i> .
Kenyataan Polisi 21	Peruntukan umum tempoh peralihan.
Kenyataan Polisi 22	Kepentingan bercagar terdahulu.
Kenyataan Polisi 23	Pindaan dan pemansuhan.

Kajian ke atas Kesan Ekonomi Gig Terhadap APP 1956

Menyedari kepentingan berhubung peranan yang dimainkan oleh pekerja gig dan penyedia platform digital ke arah pertumbuhan domestik, SSM telah mengambil inisiatif untuk mengkaji kesan sektor gig ke atas APP 1956 dengan memberi penekanan khusus berhubung penentuan sama ada aktiviti pekerja gig termasuk dalam takrifan “perniagaan” yang perlu didaftarkan di bawah APP 1956.

Kajian ini adalah signifikan kerana ramai rakyat Malaysia telah memilih untuk menyertai ekonomi gig berikutan pemberhentian kerja dan kehilangan pendapatan akibat pandemik COVID-19.

Objektif kajian adalah:

(a) Untuk menentukan sama ada aktiviti pekerja gig yang terlibat dalam ekonomi gig boleh diklasifikasikan sebagai ‘perniagaan’ di bawah APP 1956;

(b) Untuk mencadangkan dasar yang bersesuaian bagi mengawal aktiviti gig di bawah APP 1956 berdasarkan klasifikasi yang telah dibuat; dan

(c) Untuk memodenkan APP 1956 seiring dengan amalan perniagaan semasa dan trend baharu aktiviti “seumpama perniagaan” yang dijalankan dalam ekonomi gig.

Hasil kajian dijangka akan dilaporkan pada Mei 2022 selepas *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) memuktamadkan definisi nasional berkaitan industri gig dan hasil penyelidikan berhubung Tenaga Kerja Tidak Rasmi oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Peraturan, Arahan Amalan dan Garis Panduan

Pada tahun 2021, SSM mengeluarkan nota dan dokumen-dokumen perundangan bagi menyediakan panduan terkini dan penjelasan berhubung perundangan dan praktis di bawah seliaannya.

INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

Berikut adalah dokumen-dokumen yang dikeluarkan dan digazetkan dalam tahun 2021:

(a) Peraturan-Peraturan Syarikat (Pindaan) 2021

Tarikh warta : 18 Ogos 2021

Objektif : Pindaan pada Jadual di bawah Peraturan-Peraturan Syarikat 2017 berkaitan dengan:

- (i) Fi bagi tujuan serah simpan notis berkaitan penambahan modal saham syarikat asing di bawah subseksyen 567(3) AS 2016; dan
- (ii) Perkara 43, 45, 47 dan 48 bagi tujuan permohonan dan serah simpan butiran-butiran sewajarnya berkaitan syarikat, pemegang saham, pengarah, setiausaha syarikat, juruaudit dan penyelesai di bawah AS 2016.

(b) Preskripsi Jumlah Keterhutangan Syarikat di bawah seksyen 466(1)(a) AS 2016

Tarikh warta : 22 Mac 2021

Objektif : Menambah nilai ambang keterhutangan sesebuah syarikat di bawah seksyen 466(1)(a) AS 2016 dari RM10,000 kepada RM50,000.

(c) Semakan Arahan Amalan 6/ 2020: Lanjutan Masa Mesyuarat Agung Tahunan dan Serah Simpan Penyata Kewangan

Tarikh warta : 27 Januari 2021

Objektif : Memperjelaskan kuasa Pendaftar berhubung permohonan lanjutan masa—

- (i) Untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan di bawah seksyen 340(4) AS 2016;
- (ii) Untuk mengedarkan Penyata dan Laporan Kewangan di bawah PN 3/ 2018;
- (iii) Untuk serah simpan Penyata Kewangan di bawah seksyen 259(2) AS 2016; dan
- (iv) Untuk mengecualikan fi permohonan lanjutan masa yang dibuat di bawah seksyen 340(4), PN 3/ 2018 atau seksyen 259(2) AS 2016 bagi syarikat yang terjejas disebabkan wabak COVID-19.

(d) Arahan Amalan 7/ 2021: Serah Simpan Lampiran Maklumat Pemunyaan Benefisial dalam Laporan Tahunan yang Diserah Simpan di bawah seksyen 68 AS 2016

Tarikh warta : 8 Mac 2021

Objektif : (i) Memperjelaskan dan menyelaraskan penyerahsimpanan lampiran maklumat PB yang dilampirkan bersama Penyata Tahunan di bawah seksyen 68 AS 2016.

(ii) Menetapkan keperluan umum berhubung serah simpan dan lain-lain perkara berkaitan dokumen tersebut.

(e) Arahan Amalan 8/2021 – Lanjutan Masa Pengedaran Penyata dan Laporan Kewangan, Mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dan Serah Simpan Penyata Kewangan Bagi Syarikat Yang Terkesan Oleh Pelaksanaan Arahan PKP.

Tarikh warta : 31 Mei 2021

Objektif : Menyediakan tatacara untuk syarikat memohon lanjutan masa bagi pengedaran Penyata dan Laporan Kewangan, mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dan menyerah simpan Penyata dan Laporan Kewangan kepada Pendaftar bagi syarikat yang terjejas akibat pelaksanaan PKP.

(f) Garis Panduan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ)

Tarikh warta : 27 September 2021

Objektif : Mengemas kini garis panduan sedia ada berhubung perkara-perkara melibatkan SBJM

(g) Garis Panduan Berkenaan Permohonan Memasukkan Semula Nama Syarikat di bawah seksyen 555(1) AS 2016

Tarikh warta : 10 Jun 2021

Objektif : Mengemas kini garis panduan sedia ada bagi syarikat yang memohon untuk memasukkan semula nama syarikat di dalam daftar selepas syarikat tersebut dibatalkan pendaftaran oleh Pendaftar.